

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, 4 April, 2019 10:34 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TISSA-UUM Mengorak Langkah Jalin Kerjasama Antarabangsa Dengan UCR Dan NTU



04 APRIL 2019 / 28 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz

TISSA-UUM MENGORAK LANGKAH JALIN KERJASAMA ANTARABANGSA DENGAN UCR DAN NTU



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) mengorak langkah di peringkat antarabangsa apabila mengadakan perbincangan dengan dua universiti terkemuka luar negara iaitu Universiti of California Riverside (UCR), Amerika Syarikat dan Nottingham Trent Universiti (NTU), United Kingdom dalam satu pertemuan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pertemuan pertama dengan wakil UCR iaitu Regional Director for Korea, Japan and Southeast Asia, Boe Choi dan Regional Director for China, Taiwan and Hong Kong, Global Engagement Office, Yang Li membincangkan tentang potensi kolaborasi di antara UCR dan TISSA-UUM yang menjadi titik permulaan bagi mengeratkan hubungan kerjasama di antara dua benua ini.

UCR merupakan universiti yang diiktiraf sebagai *fastest-rising ranked university* dan menduduki tangga ke-35 di antara universiti awam di Amerika Syarikat, selain menduduki kelompok 1 peratus teratas dalam kalangan universiti awam berprestij peringkat global.

UCR juga telah menghasilkan dua penerima anugerah Nobel Laureates dan lantikan 10 ahli di dalam National Academies of Science and Medicine, Amerika Syarikat.

Pada pertemuan kedua dengan NTU yang diwakili oleh College International Manager, Business, Law and Social Sciences, NTU Global, Chris Crabot membincangkan tentang potensi pertukaran pelajar dan pensyarah antara kedua universiti, perkongsian pintar untuk menjalankan penyelidikan serta lain-lain kursus jangka pendek.

NTU merupakan universiti yang mempunyai akreditasi AACSB dan EQUIS.

Kedua pertemuan tersebut telah diwakili Timbalan Dekan, Prof. Madya Dr. Norhani Aripin; Ketua Jabatan Audit dan Sistem Maklumat, Dr. Mudzahir Mohamed dan Pengerusi EPAS, Prof. Madya Dr. Rohaida Abdul Latif.

Pertemuan itu dijalankan setelah mendapat maklumat daripada kedua universiti yang menyertai Asia-Pacific Association for International Education (APAIE) Conference di KLCC, baru-baru ini, justeru TISSA-UUM telah merebut peluang untuk mengadakan perbincangan tentang potensi kolaborasi yang boleh dijalankan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.